

D1 D2 D8M
5 5 5



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

KURSUS	:	KEUSAHAWANAN
KOD KURSUS	:	ETR 3013
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	2 JAM 30 MINIT

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (40 Markah)
 - BAHAGIAN C (40 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A dan BAHAGIAN B. Jawab DUA (2) soalan dari BAHAGIAN C.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di muka surat baru
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 12 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

8.

Menyelaraskan proses pengumpulan idea dengan meminta ahli kumpulannya mengeluarkan sebanyak mungkin idea secara spontan tanpa membenarkan ahli mengkritik setiap idea yang dikeluarkan.

Apakah nama kaedah ini?

- A. Lontaran prototaip
 - B. Sumbangsaran
 - C. Membuat peta minda
 - D. Tiada satu di atas
9. Antara berikut merupakan kebaikan perniagaan **KECUALI**.
- A. Lebih banyak idea, kebolehan dan kemahiran daripada rakan kongsi
 - B. Sumbangan modal daripada rakan kongsi
 - C. Pemegang saham dilindungi dan dijaga oleh perundangan
 - D. Mudah mendapat kredit atau pinjaman
10. Kenyataan di bawah merupakan komponen-komponen bentuk perniagaan. Kenalpasti apakah bentuk perniagaan yang bersesuaian dengan kenyataan tersebut.
- Boleh didakwa atau mendakwa atas nama sendiri di mahkamah
 - Merupakan dan yang sah terpisah dengan pemilik
 - Pemegang saham dianggotai 2 - 50 orang sahaja
 - Mempunyai harta atas nama sendiri
- A. Milikan Tunggal
 - B. Syarikat Awam Berhad
 - C. Syarikat Sendirian Berhad
 - D. Syarikat Perniagaan Perkongsian

11. Kenalpasti elemen-elemen yang terdapat di bahagian pengenalan rancangan perniagaan.
- Muka utama
 - Kandungan
 - Ringkasan Eksekutif
 - Industri
 - Produk
- A. i dan ii sahaja
B. ii, iv dan v sahaja
C. i, ii dan iii sahaja
D. i, iii dan v sahaja
12. Manakah **TIDAK BENAR** tentang rancangan perniagaan?
- Menerangkan semua elemen berkaitan keuntungan dan kerugian yang bakal ditanggung oleh pemilik perniagaan.
 - Dokumen bertulis yang disediakan untuk kegunaan dalaman dan luaran organisasi.
 - Merupakan dokumen yang penting kepada pihak pelabur.
 - Memberi panduan kepada pihak pengurusan organisasi tentang matlamat perniagaan.
13. Kenalpasti pernyataan yang **TIDAK BENAR** tentang Ringkasan Eksekutif.
- Ringkasan Eksekutif mestilah pendek, tidak lebih dari dua muka surat.
 - Ringkasan Eksekutif hanya ditulis selepas seluruh rancangan perniagaan selesai.
 - Ringkasan Eksekutif menyediakan maklumat yang deskriptif dan dapat memupuk minat untuk membaca rancangan perniagaan.
 - Elemen-elemen dalam ringkasan eksekutif termasuklah sejarah perkembangan syarikat dan keunikan produk terkini.

5. Apakah faktor yang menyumbang kepada peluang perniagaan?
- Produk atau perkhidmatan sedia ada dalam pasaran baru dan pengguna memerlukannya.
 - Pengguna mengkehendaki sesuatu produk dan perkhidmatan yang dapat membantu mereka menyelesaikan masalah yang dihadapi.
 - Keadaan ekonomi yang stabil dan baik menyumbang kepada perkembangan perniagaan.
 - Pertumbuhan teknologi yang pesat membantu usahawan bersaing dalam merebut peluang perniagaan.
- A. i sahaja
B. i dan ii sahaja
C. ii, iii dan iv sahaja
D. kesemua di atas
6. Manakah antara berikut **BUKAN** merupakan sumber persekitaran luaran.
- Teknologi
 - Politik
 - Perundangan
 - Pengalaman
7. Ali ingin menubuhkan perniagaan milikan tunggal. Walaubagaimanapun, Ali perlu berhadapan dengan pelbagai risiko perniagaan tersebut. Apakah risiko perniagaan yang mungkin Ali perlu hadapi?
- liabiliti tidak terhad
 - sukar atau terhad untuk mendapatkan modal
 - perkembangan dan kemajuan perniagaan terhad
 - Semua di atas

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Borang Jawapan Objektif.


1. Maksud *entreprendre* ialah
 - A. Merebut peluang
 - B. Kecekalan
 - C. Memikul tugas atau mencuba
 - D. Risiko perniagaan

2. _____ telah mendefinisikan keusahawanan sebagai agen yang membeli alat-alat pengeluaran untuk menghasilkan barang yang boleh dipasarkan.
 - A. Richard Cantillon.
 - B. Joseph Schumpeter.
 - C. David McClelland.
 - D. Kuratko dan Hodgetts.

3. Seseorang yang melakukan pengorbanan peribadi atau menambahkan usaha dan masa dalam menyelesaikan sesuatu kerja dan memastikan kerja dapat diselesaikan sebelum tarikh tamat. Kenalpasti ciri kompetensi berdasarkan kenyataan diatas.
 - A. Inisiatif
 - B. Kecekalan
 - C. Komitmen terhadap perjanjian kerja
 - D. Menyelesaikan masalah

4. Datuk Aliff Syukri Kamarzaman adalah ikon keusahawanan yang terkenal pada hari ini. Apakah bidang keusahawanan yang bersesuaian dengan beliau?
 - A. Peruncitan
 - B. Penerbangan
 - C. Kecantikan
 - D. Industri Makanan

Soalan 14 dan 15 adalah berdasarkan gambarajah di bawah.



14. Apakah struktur organisasi yang sesuai berdasarkan gambarajah di atas?
- Struktur fungsian
 - Struktur matriks
 - Struktur geografi
 - Struktur produk
15. Kenalpasti apakah kelebihan struktur organisasi yang telah anda pilih.
- Struktur ini membantu syarikat mengeluarkan produk yang bersesuaian dengan kehendak pengguna tempatan.
 - Setiap pekerja akan menjadi lebih mahir dalam bidang kepakaran masing-masing.
 - Sesuai digunakan untuk menguruskan projek atau aktiviti yang berskala besar secara cekap.
 - Pekerja berpeluang mempelajari pelbagai ilmu dan kemahiran daripada beberapa perkara lain dalam organisasi.
16. Antara berikut adalah bantuan sokongan perniagaan di Malaysia
- Latihan dan bengkel
 - Bantuan pemasaran
 - Khidmat nasihat
- i dan ii
 - i dan iii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iii

17. Manakah di antara berikut merupakan elemen strategi pemasaran (4P)?.

- i. *Product* (Barangan)
 - ii. *Place/Distribution* (Tempat)
 - iii. *Customer* (Pelanggan)
- A. i sahaja
- B. i dan ii
- C. i dan iii
- D. ii dan iii

18. Encik Ahmad ingin menganalisis Rancangan Pemasaran di dalam Rancangan Perniagaan yang ditulisnya. Apakah elemen penting yang terkandung di dalam Rancangan Pemasaran Encik Ahmad?

- A. Ramalan Jualan
- B. Carta Aliran Proses
- C. Penyata Pendapatan
- D. Jadual Spesifikasi Tugas

- Elemen di dalam Rancangan Pemasaran ini menyatakan profil pelanggan di sekitar kawasan pasaran yang dipilih.
- Elemen di dalam Rancangan Pemasaran ini mengenalpasti kewujudan kumpulan pelanggan yang berbeza atau segmen-segmen pasaran di kawasan berkenaan.

19. Apakah elemen Pemasaran yang sesuai berdasarkan ciri-ciri di atas.

- A. Saiz Pasaran
- B. Syer Pasaran
- C. Ramalan Jualan
- D. Sasaran Pasaran

20. Kenalpasti pasangan yang **BETUL** tentang psikografik

- A. Keinginan dan kos
- B. Citarasa dan pendapatan
- C. Ego dan status
- D. Tiada di atas

(20 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **EMPAT (4)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan maksud perkataan berikut dari perspektif usahawan:
- Inisiatif - Saya lain untuk sesuat masalah
 - Kecekalan - kesabaran yang tinggi
 - Ketegasan - pendirian dia yg teguh
 - Menyelesaikan masalah - mencari jalan penyelesaian
 - Melihat dan merebut peluang -
- (5 markah)
- b. Senaraikan **LIMA (5)** objektif atau kepentingan perniagaan kepada usahawan.
- menjana pendapatan yang lumayan
 -
- (5 markah)

SOALAN 2

- a. Kenalpasti **EMPAT (4)** faktor yang mempengaruhi pemilihan lokasi perniagaan yang baik.
- tempat yg membangun
 - komuniti yg berpendapatan tetap.
 - tidak banyak saingan
 - letakkan tempat yg mudah dilihati
- b. Puan Siti telah mengambil keputusan untuk menamatkan perkhidmatan sebagai eksekutif di salah sebuah syarikat di Johor Bahru. Beliau ingin mengusahakan perniagaan dan bercadang untuk mendaftarkan perniagaannya sebagai "Arro Sendirian Berhad". Pada pendapat anda, senaraikan **TIGA (3)** ciri dan **TIGA (3)** kelebihan entiti perniagaan yang akan diusahakan oleh beliau.
- (6 markah)

- 1) milikan tunggal
2)
3)
4) bukan entiti
5)
6)

SOALAN 3

- a. Pada pendapat anda, mengapa Rancangan Perniagaan 'ditulis' oleh usahawan?
untuk memenuhi usahawan dalam perniagaan seperti yang telah dirancang. (2 markah)
- b. Nyatakan kepentingan Rancangan Perniagaan kepada pihak-pihak berikut:
- Pelabur : menyusun atau cari dan modal pelaburan
 - Pembekal : memperbaikkan perjalanan perniagaan
 - Institusi Kewangan :
 - Usahawan Sendiri : menjalankan pasir bala tuju perniagaan
- (8 markah)

SOALAN 4

- a. Jelaskan **TIGA (3)** kemahiran yang perlu ada pada seseorang pengurus dalam menjalankan fungsinya di dalam organisasi.
- ⑥ mengurus masai dengan berkesan
⑦ Berkepimpinan
⑧ Berteknayian
- (6 markah)
- b. Puan Intan baru sahaja berkhidmat di sebuah butik pakaian muslimah pada bulan Mac 2016. Jika gaji asas beliau adalah RM1200 sebulan, caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (majikan: 13%, pekerja: 11%), potongan PERKESO sebanyak RM6.25, kirakan gaji bersih Puan Intan pada bulan berkenaan.
- (4 markah)

BAHAGIAN C



Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab DUA (2) soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Rancangan Operasi merupakan salah satu bahagian dan elemen penting di dalam Rancangan Perniagaan. Komponen ini merangkangkan pengurusan operasi sebagai satu aktiviti perniagaan yang merekabentuk, membangun serta menyelenggara sistem dan proses serta sumber yang dapat memenuhi keperluan pengguna.

- a. Analisis LAPAN (8) komponen yang terdapat di dalam Rancangan Operasi.
(16 markah)

- b. Apakah maksud simbol berikut bagi setiap aktiviti pengeluaran:



(4 markah)

SOALAN 2

Pada hari ini, perniagaan francais merupakan perniagaan yang terkenal dan mendapat tempat di Malaysia. Perniagaan Francais seperti KFC, Pizza Hut dan McDonalds antara perniagaan francais makanan dan minuman terkemuka yang menjadi pilihan masyarakat di negara ini.

- a. Apakah yang dimaksudkan dengan konsep perniagaan francais. Jelaskan.
Satu organisasi yang mempunyai banyak cabangan dan mempunyai konsep yg sama (4 markah)
- b. Huraikan **EMPAT (4)** bentuk perniagaan francais.
(8 markah)
- c. Kenalpasti **EMPAT (4)** kelebihan dan **EMPAT (4)** kelemahan perniagaan francais berbanding dengan jenis perniagaan lain.
(8 markah)

SOALAN 3

Peluang merupakan satu konsep perniagaan yang menghasilkan keuntungan jika ia berubah menjadi satu hasil produk atau perkhidmatan. Oleh itu, usahawan yang kreatif dan berinovasi mempunyai peluang yang lebih baik dan mendapat kelebihan bersaing di pasaran.

- a. Huraikan **LIMA (5)** proses mengenalpasti, menilai dan memilih peluang perniagaan.
*① berdaya saing
②* (10 markah)
- b. Huraikan **LIMA (5)** kemahiran mengenal pasti sumber perniagaan.
(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

